

LEX READ

Ulasan Drama:
ONE CENT
THIEF

NAFKAH ISTERI
BERAS AKU BELI

Fatin Hayati


Menulis:

Santai Harum Manis:
Literasi Undang-Undang
Jenayah

JUU LEX READ



eISSN 2811-3462



Nafkah Isteri: BERAS AKU BELI

Oleh: Hazlina Mohd Padil (hazli6749@uitm.edu.my)

Termeterainya akad nikah, maka bermulalah tanggungjawab suami kepada isteri. Tanggungjawab utama adalah memberi nafkah zahir dan batin kepada isteri. Kali ini penulis ingin menyentuh bab nafkah isteri yang kadangkala dipandang ringan oleh para suami terutamanya apabila isteri bekerja.

• Allah SWT berfirman di dalam •
• ayat 6 Surah At-Talaq: •

Nafkah dari segi bahasa adalah berasal daripada perkataan 'infaq' yang bermaksud mengeluarkan dan membelanjakan. Hukum memberi nafkah kepada isteri adalah wajib ke atas suami seperti mana menurut istilah ahli fiqh, nafkah adalah mengeluarkan belanja yang wajib seperti suami menyediakan makanan, pakaian dan tempat tinggal untuk isteri.

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِنْ وُجْدِكُمْ وَلَا تَضَارُوهُنَّ لِيُضَيِّقُوا
عَلَيْمِنَّ وَإِنْ كُنَّ أَوْلِيَّاتٍ حَمَلٍ فَأَنْفِقُوا عَلَيْهِنَّ حَتَّىٰ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ
فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ وَأَتَمُّوهُنَّ بِبَيْتِكُمْ بِمَعْرُوفٍ وَإِنْ
تَعَاَسَرْتُم فَاسْتَرْضِعْ لَهُ أُخْرَىٰ (٦)

yang bermaksud "Tempatkanlah isteri-isteri yang menjalani iddahnya itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu; dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka di tempat tinggal itu dengan tujuan hendak menyusahkan kedudukan mereka. Dan jika mereka berkeadaan sedang mengandung maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya".



Ayat 6 Surah At-Talaq ini menunjukkan bahawa

Suami mempunyai tanggungjawab memberi nafkah kepada isteri bukan sahaja sewaktu hidup bersama tetapi juga selepas bercerai dengan isteri. Berdasarkan hadis sahih Muslim, Rasulullah SAW pernah bersabda semasa khutbah 'Haji al-Wida' seperti berikut, "Dan takutlah kamu akan Allah SWT dalam perkara perempuan-perempuan kerana sesungguhnya kamu telah mengambil mereka dengan amanah Allah, kamu telah menghalalkan kemaluan mereka dengan kalimah Allah dan bagi mereka atas kamu rezeki mereka dan pakaian mereka dengan cara yang baik". Dalil Al-Quran dan Hadith membuktikan kewajipan dalam memberi nafkah oleh suami kepada isteri yang dibawah tanggungannya.

Sebanyak manakah kadar nafkah yang perlu diberikan oleh suami? Terdapat hadith Rasulullah SAW yang menyatakan bahawa "Ya Rasulullah, sesungguhnya Abu Sufyan seorang laki-laki yang kedekut. Dia tidak memberi kepada saya belanja yang cukup untuk saya dan anak saya kecuali jika tidak, saya ambil dengan tidak diketahuinya. Rasulullah SAW menjawab, ambillah oleh mu daripada hartanya sekadar yang mencukupi keperluanmu dan anakmu dengan cara yang baik". Oleh itu, kewajipan memberi nafkah oleh suami kepada isteri adalah suatu tanggungjawab yang berterusan.



Allah SWT berfirman di dalam ayat 7 Surah At-Talaq yang membawa maksud, "Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya. Dan sesiapa yang disempitkan rezekinya maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah. Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan". Ayat ini jelas maksudnya bahawa Allah tidak membebani suami dalam menyediakan nafkah melainkan mengikut kemampuan dan rezeki kurniaan Allah SWT (Ali, 2016).

Seksyen 61 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) memperuntukkan bahawa dalam menentukan kemampuan memberi nafkah, kadar nafkah yang perlu diberi adalah mengambilkira pendapatan suami sebagai pemberi nafkah. Walau bagaimanapun, ianya tidak mudah untuk menentukan kadar nafkah. Terdapat perbezaan pendapat ulama dalam menentukan kadar nafkah. Menurut mazhab Syafie, nafkah merangkumi tiga perkara iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal.



Nafkah untuk makanan dan pakaian hendaklah dikira mengikut kedudukan suami sama ada kaya atau pun miskin. Manakala tempat tinggal hendaklah bersesuaian dengan keadaan isteri. Berbeza dengan mazhab Hanafi, jika suami kaya dan isteri miskin, wajiblah kepada suami memberi nafkah secara pertengahan iaitu lebih kepada keadaan isteri dan kurang daripada keadaan suami.

Tetapi jika isteri kaya dan suami miskin, suami memberi nafkah mengikut kadar orang miskin dan terdapat baki yang menjadi hutang suami kepada isteri. Bagi mazhab Maliki pula, penentuan kadar nafkah dikira mengikut keadaan kedua-dua suamidan isteri bukan hanya kepada keadaan suami sahaja.



Nafkah oleh pemberi nafkah hendaklah memenuhi kriteria kifayah (kecukupan) dan ma'ruf (baik yang diterjemahkan oleh uruf atau amalan setempat) (Ahmad, Azahari & Ab Rahman, 2013; Ahmad, 2019). Hakim di dalam kes *Nor Bee lwn Ahmad Shanusi JH 1981* menyatakan bahawa kadar nafkah isteri adalah menurut kelas sosioekonomi masyarakat di mana kedudukan isteri sama ada nisbah kaya, sederhana atau miskin.

Beliau selanjutnya menyatakan bahawa dari sudut menyediakan makanan adalah mengikut ikhtiar dan kebiasaan, iaitu bagi orang Melayu makanannya ialah 2 kali ringan dan 2 kali berat. Bagi empat kali makan untuk peringkat pertengahan diperlukan tidak kurang dari RM6 sehari. Kadar RM6 sehari tersebut dibuat pada tahun tersebut dan bagi penentuan masa kini hendaklah berdasarkan kepada keadaan semasa (Ahmad, Azahari & Ab Rahman, 2013).



Di dalam kajian yang pernah dijalankan hasil kajian mendapati bagi kriteria kifayah, kadar kecukupan semakin besar dengan peningkatantaraf sosioekonomi. Ia juga menepati kriteria ma'ruf kerana kebiasaan bagi masyarakat atau huruf ialah mereka yang berada dalam golongan yang berpendapatan lebih tinggi selalunya berhak berbelanja dengan lebih besar dan selesa berbanding dengan pendapatan yang lebih rendah.

Kajian yang sama juga mendapati kadar perbelanjaan oleh isteri perlu menepati kecukupan asas atau kifayah adna isteri tersebut. (Ahmad, 2019). Di dalam kajian itu, kadar nafkah kifayah adna atau kadar minima seorang isteri yang tinggal di kawasan bandar Lembah Klang tidak boleh dikurangi daripada RM773 sebulan dan ianya termasuk kadar sewa rumah atau kos tempat tinggal isteri tersebut.

Walau bagaimanapun, bagi mazhab Syafie, jika suami telah memberikan nafkah asasi tetapi tidak menyediakan kemudahan yang bersifat tambahan sebagai pelengkap atau kemewahan kepada kehidupan isterinya, permohonan fasakh oleh isteri adalah tidak dibenarkan. Seksyen 59(1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 memberi kuasa kepada mahkamah untuk memerintahkan seseorang lelaki supaya membayar nafkah kepada isterinya.


Persoalan seterusnya apakah tindakan yang boleh diambil oleh isteri sekiranya suami tidak memberi nafkah. Mengikut mazhab Syafie, Hanbali dan Maliki, isteri boleh mengambil tindakan menamatkan perkahwinan tersebut. Manakala mengikut pendapat mazhab Hanafi dan Zahiri, isteri tidak dibenarkan untuk menamatkan perkahwinan tersebut (Hashim & Kusrin, 2023). Mengikut pendapat pertama, kajian oleh Hashim dan Kusrin (2023) mendapati isteri boleh menamatkan perkahwinan walaupun isteri tahu kedudukan suami dan redha dengan suami yang miskin kerana nafkah adalah kewajipan suami.

Walau bagaimanapun, penulis tidak bersetuju dengan jumlah minima RM773 dan berpendapat sekiranya kadar nafkah tersebut termasuk sewa rumah atau kos tempat tinggal isteri, ianya adalah tidak munasabah dalam keadaan ekonomi semasa. Penulis bersetuju dengan Ahmad (2019) bahawa kajian tersebut perlu dinilai semula supaya dapat menjamin nafkah isteri.



Walau bagaimanapun, hak isteri kepada nafkah itu gugur apabila nusyuz atau enggan mengikut kemahuan sah suaminya tanpa sebab yang munasabah melainkan isteri itu bertaubat dan ia tidak lagi nusyuz (Zin dan Aziz, 2020).

Nafkah merupakan hak yang wajib dipenuhi oleh seorang suami terhadap isterinya. Isteri juga tidak seharusnya mendiamkan diri sekiranya suami tidak menunaikan tanggungjawabnya kerana nafkah itu hak isteri yang melibatkan tiga keperluan asas iaitu, makanan, pakaian dan tempat tinggal.



Oleh itu suami janganlah terlalu bangga dengan kata-kata 'beras aku dibeli' sepertimana yang begitu popular di masa ini kalau keperluan asas masih tidak dipenuhi kerana Mahkamah boleh menetapkan perintah bahawa suami perlu membayar sejumlah nafkah kepada isteri kerana memberi nafkah adalah tanggungjawab suami dan juga untuk melindungi kesejahteraan isteri.



RUJUKAN

Ahmad, B. (2019). Penentuan kifayah adna sebagai Jaminan nafkah isteri di dalam Islam: Kajian kes di Lembah Klang, Malaysia. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 2.

Ahmad, B., Azahari, R., & Ab Rahman, A. (2013). Kriteria Kifayah Dan Ma'ruf Nafkah Isteri Dan Anak: Kajian Pelaksanaan Semasa Di Malaysia: Criteria of Kifayah and Ma'ruf for Maintenance of Wife and Children: A Study on the Current Practice in Malaysia. *Jurnal Syariah*, 21(3), 311-342.

Ali, F. B. (2016). Nafkah Isteri Bekerja: Antara Hukum Dan Realiti. In *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (Vol. 22)*.

Hashim, N. M., & Kusrin, Z. M. (2023). Wife's Maintenance In Marriage: Reviews of the Opinions of the Previous Jurists: Nafkah Isteri Dalam Perkahwinan: Sorotan Pandangan Fuqaha Terdahulu. al-Qanafir: *International Journal of Islamic Studies*, 31(2), 45-53.

Zin, N. M., & Aziz, S. (2020). Hak Suami dan Nafkah Isteri dalam Tempoh Perkahwinan Bagi Pasangan yang Mengalami Kecelaruhan Psikosis. *Journal of Law and Governance*, 3(1), 59-73.